

Serah diri dalam tempoh sebulan

Melibatkan 14,000 pemegang "lesen terbang" di seluruh negara

PUTRAJAYA : Seramai 14,000 pemegang “Lesen Terbang” di seluruh negara diberi tempoh sebulan bermula semalam, untuk menyerahkan lesen itu dimana-mana Unit Integriti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri atau dijejaki pihak berkuasa. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, maklumat mengenai lesen terbang terbongkar selepas SPRM menahan 12 pegawai dan anggota JPJ dari Perlis, Perak, Negeri Sembilan , Sabah dan Sarawak sejak 4 September lalu.”JPJ mempunyai maklumat terperinci mengenai identity pemegang lesen terbang, pegawai JPJ dan Pejabat cawangan JPJ yang mengeluarkan lesen berkenaan,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Anthony yang tidak menolak kemungkinan ada lagi petugas JPJ akan ditahan SPRM selepas ini berkata, kesemua 12 yang ditahan sebelum ini dikenakan tindakan tahan kerja walaupun belum menghadapi pertuduhan di mahkamah. Dalam pada itu, katanya, modus operandi mengeluarkan lesen terbang ialah menggunakan prosedur penukaran lesen memandu luar negara kepada lesen memandu Malaysia, sedangkan pemohon berkenaan tidak pernah memiliki lesen memandu di luar negara, mahupun berkunjung ke luar negara.”Lesen terbang ini dijual antara RM2,000 dan RM 3,500 melalui iklan di laman sosial.Pembeli hanya perlu buat bayaran dan lesen akan dipos ke rumah,” ujarnya.

Katanya, terdapat warga asing memiliki lesen terbang, dengan sebahagian besarnya melibatkan warga China. Justeru katanya, sebagai langkah penambahbaikan dan membendung gejala lesen terbang pada masa akan datang, JPJ akan memperhalusi kaedah”conversion” (penukaran lesen memandu luar negara kepada lesen memandu Malaysia) dan menimbang kaedah mengiktiraf lesen memandu asing – Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 5 | 14 SEPTEMBER 2018